

18/12/2001

Tidak adil persoal lantikan Gani Patail (HL)

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan mereka yang membantah pelantikan Datuk Abdul Gani Patail sebagai Peguam Negara, mempunyai motif politik.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak adil untuk mempersoalkan kewibawaan Abdul Gani semata-mata kerana beliau mengetuai pasukan pendakwaan dalam kes Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kes lain yang mendapat publisiti meluas.

Beliau meminta Majlis Peguam tidak terpengaruh dengan pendapat yang berasaskan politik, kerana kecaman itu adalah tidak adil kepada Abdul Gani yang seharusnya diberi peluang menjalankan tugas barunya.

"Saya dapati orang yang buat bantahan ada kaitan dengan parti politik. Dalam kes membabitkan Gani Patail, dia terbabit dengan kes yang mendapat publisiti meluas. Maka semua yang menjadi saksi atau pendakwa, termasuk polis, peguam yang mendakwa... semua dicop sebagai orang yang tidak baik, termasuk hakim yang dikecam dengan hebat.

"Saya dapati (juga) Majlis Peguam tidak harus terpengaruh dengan pendapat yang berasaskan politik," katanya kepada pemberita di rumah terbuka hari raya kedua, khas untuk jemputan di Seri Perdana di sini, hari ini.

Abdul Gani, 46, dilantik sebagai Peguam Negara menggantikan Datuk Seri Ainum Mohd Saaid yang meletak jawatan atas sebab kesihatan, berkuat kuasa 1 Januari depan.

Pelantikan itu mendapat bantahan parti pembangkang, khususnya DAP dan Pas serta badan bukan kerajaan (NGO) kerana dikatakan tidak dibuat mengikut Perlembagaan Persekutuan iaitu diumumkan sebelum mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Pengumuman itu dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Rais Yatim ketika Yang di-Pertuan Agong waktu itu sedang tenat dan mangkat dua hari kemudian.

Bagaimanapun, Ketua Biro Publisiti DAP, Gobind Singh Deo, tidak bersetuju dengan pendirian partinya dalam isu Abdul Gani kerana berpendapat beliau perlu diberi peluang membuktikan keupayaannya.

Gobind yang juga anak Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh, dilaporkan berkata: "Saya mendapati Abdul Gani layak dan berupaya untuk memegang jawatan Peguam Negara."

Dr Mahathir berkata, pertikaian terhadap kelayakan Abdul Gani sebagai Peguam Negara hanya berasaskan kepada pendapat masing-masing.

"Seorang kata ada lagi yang lebih layak, tetapi orang lain kata (Abdul) Gani layak. Apa yang menentukan siapa yang layak? Adakah anda bermaksud untuk menyatakan bahawa pendapat orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah adalah lebih baik daripada mereka yang hanya mempertahankan keputusan mahkamah?

"Dia (yang membantah) pun tak baik, polis tak baik, semua yang ditentang oleh pasukan pendakwa dianggap tak baik... diburuk-burukkan, dicemuh. Ini sesuatu yang tidak adil. Berilah peluang kepada Gani, macam mana dia nak jalankan tugas.

"Mereka nampak berat sebelah hanya kerana satu kes saja, kerana kes itu mereka kalah, maka semua di sebelah pendakwaan dianggap tidak baik, tidak bermoral," katanya.

Ditanya sama ada beliau sudah menerima memorandum Majlis Peguam mengenai bantahan terhadap pelantikan Abdul Gani, Dr Mahathir berkata beliau belum

menerimanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, tidak adil bagi Majlis Peguam untuk memihak dan sepatutnya mereka menganggap Abdul Gani sebagai pegawai kerajaan yang mempunyai tanggungjawab untuk mendakwa.

"Anda membuat provokasi terhadap mereka (pendakwa) dan apabila mereka berkata sesuatu, anda kata itu tidak baik, tetapi itu adalah kerana provokasi.

"Sesiapa saja yang berada di sebelah kerajaan (pendakwa raya) dilabel sebagai tidak berguna, berat sebelah dan pelbagai lagi tuduhan dilemparkan terhadap mereka yang tidak betul sama sekali.

"Kumpulan hak asasi manusia hanya memikirkan bahawa sesuatu kes itu disebabkan ketidakadilan terhadap seseorang, maka dengan itu semua orang yang terbabit di dalamnya (kes) sebagai tidak adil," katanya.

Perdana Menteri berkata, hakikatnya NGO juga tidak adil dan mereka berat sebelah dalam pandangan mereka.

Mengenai kekeliruan yang timbul selepas pengumuman Rais mengenai pelantikan Abdul Gani sedangkan belum mendapat perkenan Istana, beliau berkata, ia cuma berkisar kepada prosedur.

"Sebenarnya, Yang di-Pertuan Agong belum tandatangan dan kita tidak boleh membuat pengumuman. Tetapi Rais membuat pengumuman sebelum mendapat kelulusan Yang di-Pertuan Agong," katanya.

(END)